

Rujukan Kami : UPM/500-12/1  
Tarikh : 2 September 2013

## **SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan,

### **PINDAAN TARIKH PROSES PENGISIAN WAJARAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) PEGAWAI AKADEMIK BAGI TAHUN 2013**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan terdapat pindaan tarikh bagi proses pengisian dan semakan wajaran SKT pegawai Akademik bagi tahun 2013. Proses ini boleh dilakukan di laman sesawang : <http://reg.upm.edu.my/elppt/>. Sebarang perubahan wajaran SKT pegawai Akademik tersebut boleh dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan dengan persetujuan Pegawai Penilai (PP). Jadual proses berkenaan adalah seperti di lampiran dibawah.

### **PINDAAN TARIKH JADUAL PROSES PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2013 PEGAWAI AKADEMIK UPM**

BIL.	PROSES/ AKTIVITI	TARIKH	TINDAKAN
1.	Pilihan wajaran di dalam sistem SKT Akademik oleh Pegawai yang Dinilai ( <b>PYD</b> )	26 Ogos 2013 – 6 Oktober 2013	PYD
2.	Pengesahan wajaran oleh Pegawai Penilai Pertama ( <b>PPP</b> ) setelah pemilihan wajaran oleh PYD	7 Oktober 2013 – 20 Oktober 2013	PPP
3.	Kelulusan oleh Pegawai Penilai Kedua ( <b>PPK</b> ) setelah pemilihan wajaran disokong oleh PPP	21 Oktober 2013 – 27 Oktober 2013	PPK

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan, pemilihan wajaran SKT pegawai Akademik bagi tahun 2013 dibenarkan sehingga maksimum 180. Manakala wajaran minimum adalah 100. Justeru itu, pegawai akademik boleh memilih wajaran dalam julat 100-180. Oleh yang demikian, penetapan wajaran SKT pegawai akademik hendaklah ditetapkan berdasarkan perbincangan yang telah dilaksanakan antara Pegawai Yang Dinilai (PYD) dengan Pegawai Penilai (PP).

4. Adalah diingatkan sekiranya YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan, tidak mengisi wajaran SKT 2013 seperti yang di jadual maka implikasi seperti dibawah akan dihadapi:

- markah penilaian prestasi PYD pada e-LPPT adalah sifar (0)
- markah pada KM Portal tidak dapat digenerate ke dalam e-LPPT
- PYD tidak dapat membuat pengesahan markah pada e-LPPT
- tiada pergerakan gaji tahunan

5. Sebagai makluman YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan, penilaian prestasi tahun 2013 **tidak akan dibuat secara manual** dan **tiada tempoh tambahan** bagi pengisian wajaran selepas **27 Oktober 2013**.

6. Sehubungan itu, pihak kami memohon agar maklumat ini dapat dipanjangkan sekali lagi kepada **semua pegawai akademik** di Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Dato / Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan. Segala kesulitan amatlah dikesali dan kerjasama daripada YBhg. Dato / Datuk/ Datin Paduka/ Profesor/ Tuan/ Puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan tugas



**(SITI IMA MUNIRAH BINTI AHMAD)**

Ketua Seksyen Saraan, Prestasi dan Elaun  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia

s.k.:

**Ketua Pentadbiran / Timbalan Pendaftar Kanan / Timbalan Pendaftar / Ketua Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar Kanan / Penolong Pendaftar**

## **SENARAI EDARAN**

Dekan, Fakulti Pertanian  
Dekan, Fakulti Perhutanan  
Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar  
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan  
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan  
Dekan, Fakulti Sains  
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan  
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia  
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul  
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Dekan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar  
Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan  
**Universiti Putra Malaysia**  
**43400 UPM SERDANG**

Dekan,  
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus Bintulu,  
**Universiti Putra Malaysia,**  
**Jalan Nyabau, Peti Surat 396,**  
**97008 BINTULU, SARAWAK**